

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
PERALIHAN DI TIGA BUAH SEKOLAH DI DAERAH SKUDAI

INDHUMATHY A/P MUNUSAMY

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI 2013

## **DEDIKASI**

Ditujukan khas bagi

**Dr. Ahmad Johari bin. Sihes,**

Pensyarah pembimbing yang sentiasa memberi bimbingan dan panduan dalam menyempurnakan tugas ini.

**Suami, ibu, ayah dan adik beradik yang disayangi....**

Dengan izin Tuhan anakanda akan cuba mencapai apa yang kalian doakan..

**Serta rakan-rakan seperjuangan yang dikasihi...**

Semoga persahabatan yang terjalin akan berkekalan selamanya..

Terima kasih atas segala sokongan dan galakan yang telah diberikan

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana saya dapat menyiapkan Projek Sarjana ini. Di sini saya mengambil kesempatan ini dengan penuh ikhlas dan rendah diri untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia kajian saya, Dr. Ahmad Johari bin. Sihes atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pengetua SMK Taman Desa Skudai, SMK Taman Mutiara Rini II dan SMK Taman Universiti I atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada suami, ayah dan ibu serta rakan-rakan sejawat yang terlibat dalam kajian ini di atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penghasilan laporan ini. Sesungguhnya segala bantuan dan kerjasama yang diberikan amat bernilai dan berguna kepada kami. Hanya Tuhan juga yang dapat membalas segala budi yang telah disumbangkan oleh anda semua.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan penguasaan bahasa Melayu yang lemah di kalangan pelajar peralihan. Terdapat lima faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini iaitu sikap pelajar, gangguan-gangguan yang dialami dan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar peralihan dalam aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah borang soal selidik di mana sebanyak tiga sekolah di daerah Skudai terlibat dan ujian bertulis yang merangkumi ujian penulisan, pembacaan dan pertuturan yang melibatkan 10 orang responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif iaitu data dianalisis dengan menggunakan analisis data min dan sisihan piawai manakala kaedah kualitatif pula melibatkan analisis data kekerapan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar peralihan dalam berbahasa Melayu berada pada tahap yang sederhana dan terdapat beberapa jenis kesilapan dari aspek bahasa, kosa kata, pengolahan dan intonasi yang dilakukan oleh mereka dalam beberapa aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan pelajar peralihan memang di tahap yang sederhana sahaja dan mereka memerlukan kaedah-kaedah pengajaran yang baik dan sokongan dari pelbagai pihak untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Melayu mereka.

## **ABSTRACT**

This research is intended to identify the underlying factors that contribute to the poor command of Malay Language among the Remove Class students. The five factors that have been focused in the research are the students' attitude, the hindrances faced as well as the common type of error made by Remove Class students in the aspect of writing, reading and speaking. The data collection method that has been utilized is the filling of questionnaire by students from three schools in the district of Skudai. Ten respondents participated in written test that included writing test, reading test and speaking test. Data that has been gathered analysed based on quantitative method that is mean and standard deviation whereas qualitative method involves the analysis on the data of frequency. The findings of the research is evident of the average level of proficiency acquired in the Malay language in the aspect of language, vocabularies, elaboration and intonation as found in students performance in various aspects of writing, reading and speaking. The findings also reveal that the Remove Class students command is at an average level and they need effective teaching methods and support from various parties to enhance their performance in the Malay Language.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
JUDUL		
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI SIMBOL	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	10
1.9 Definasi Operasional	11
1.9.1 Bahasa Melayu	11
1.9.1.1 Bahasa Kebangsaan	11
1.9.1.2 Bahasa Rasmi	12
1.9.1.3 Bahasa Perpaduan	12
1.9.2 Pelajar Peralihan	12
1.9.3 Pendidikan Menengah	13
1.9.4 Sikap Pelajar	13
1.9.5 Gangguan Bahasa	14
1.9.6 Gangguan Persekutaran	15
1.9.7 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	15
1.9.8 Penguasaan Bahasa	16
1.9.9 Kesilapan bahasa	16
1.9.9.1 Kemahiran Bertutur	17
1.9.9.2 Kemahiran Membaca	18
1.9.9.3 Kemahiran Menulis	19
1.10 Konsep Kajian Bahasa	20
1.10.1 Bahasa	20
1.10.2 Linguistik	20

1.10.3	Tatabahasa	21
1.10.4	Dialek	21
1.10.5	Laras	21
1.10.6	Gaya Bahasa	22
1.10.7	Leksis/Kosa Kata	22
1.10.8	Ketenunan	22
1.10.9	Sebutan	22
1.10.10	Intonasi	23
1.10.11	Nada	23
1.10.12	Kefasihan	23
1.11	Penutup	23

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	26
2.2	Faktor Yang Mempengaruhi Pemindahan Bahasa	27
2.3	Punca Yang Menyebabkan Gangguan Pada Bahasa	29
2.3.1	Gangguan Bahasa Pasar	31
2.3.2	Gangguan Persekutaran	33
2.3.3	Faktor Sikap	35
2.3.4	Kesilapan Bahasa	36
2.4	Tinjauan Kajian Di Luar Negara	39
2.5	Tinjauan Kajian Di Malaysia	44
2.6	Penutup	46

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	48
3.2	Rekabentuk Kajian	48

3.3	Kajian Perpustakaan dan Tinjauan	49
3.4	Tempat Kajian	50
3.5	Populasi Dan Persampelan Kajian	50
3.5.1	Populasi	50
3.5.2	Persampelan	51
3.6	Instrumen Kajian	52
3.6.1	Bahagian A Maklumat Responden	52
3.6.2	Bahagian B Soal Selidik	52
3.6.3	Analisis Kualitatif	54
3.7	Langkah –Langkah Menjalankan Kajian	58
3.8	Kajian Rintis	59
3.8.1	Kesahan Instrumen	60
3.9	Peringkat Menjalankan Kajian Dan Pengumpulan Data	61
3.10	Analisis Data	61
3.10.1	Kajian Deskriptif	62
3.10.2	Pertimbangan Skor Min	62
3.11	Penutup	64

#### **BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	65
4.2	Latar Belakang Responden	65
4.2.1	Jantina	66
4.2.2	Bangsa	66
4.2.3	Pencapaian Bahasa Melayu Dalam UPSR (Kertas Pemahaman)	67
4.2.4	Pencapaian Bahasa Melayu Dalam UPSR (Kertas Penulisan)	67
4.2.5	Bahasa Pertuturan Di Rumah	68
4.3	Analisis Data Kuantitatif	69
4.3.1	Analisis Persoalan Kajian Pertama: Sikap Pelajar	

Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Dalam	
Kehidupan Seharian Mereka	69
4.3.2 Analisis Persoalan Kajian Kelima: Tahap Gangguan Persekutaran Dalam Penggunaan Bahasa Melayu	71
4.3.3 Analisis Persoalan Kajian Keenam: Tahap Gangguan Bahasa dalam Penggunaan Bahasa Melayu	73
4.4 Analisis Data Kualitatif	75
4.4.1 Analisis Persoalan Kajian Kedua: Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Penulisan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	75
4.4.2 Analisis Persoalan Kajian ketiga: Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Pembacaan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	79
4.4.3 Analisis Persoalan Kajian Keempat: Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Pertuturan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu.	83
4.5 Penutup	88

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	89
5.2 Perbincangan Persoalan Kajian	91
5.2.1 Latarbelakang Responden	90
5.2.2 Perbincangan Persoalan 1: Apakah Sikap Yang Ditunjukkan Oleh Pelajar Peralihan Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kehidupan	

Seharian Mereka?	92
5.2.3 Perbincangan Persoalan 2: Apakah Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Penulisan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	95
5.2.4 Perbincangan Persoalan 3: Apakah Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Pembacaan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	97
5.2.5 Perbincangan Persoalan 4: Apakah Jenis Kesilapan Yang Dilakukan Dari Aspek Pertuturan Oleh Pelajar Peralihan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu?	99
5.2.6 Perbincangan Persoalan 5: Apakah Tahap Gangguan Persekutaran Yang Dialami Oleh Pelajar Peralihan Dalam Penggunaan Bahasa Melayu?	101
5.2.7 Perbincangan Persoalan 6: Apakah Tahap Gangguan Bahasa Yang Dialami Oleh Pelajar Peralihan Dalam Penggunaan Bahasa Melayu?	103
5.3 Rumusan	105
5.4 Cadangan Kajian	105
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	109
5.6 Penutup	109
<b>SENARAI RUJUKAN</b>	110
<b>LAMPIRAN A SOAL SELIDIK</b>	
<b>LAMPIRAN B SOALAN UJIAN</b>	
<b>LAMPIRAN C BORANG SKEMA PEMARKAHAN</b>	
<b>LAMPIRAN D KESAHAN INSTRUMEN</b>	
<b>LAMPIRAN E PENGESAHAN STATUS PELAJAR</b>	
<b>LAMPIRAN F DATA KAJIAN RINTIS</b>	
<b>LAMPIRAN G ANALISIS SPSS</b>	

## **SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Penggunaan Bahasa Di Sekolah-Sekolah Dalam Negara Malaysia	5
1.2	Analisis Peperiksaan Akhir Tahun Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu	6
3.1	Taburan Populasi Kajian	51
3.2	Taburan Persampelan	51
3.3	Jenis–Jenis Soalan	53
3.4	Arahan Tindakbalas Item Terhadap Setiap Item	53
3.5	Jenis–Jenis Kriteria Dalam Ujian	55
3.6	Kriteria Pemarkahan Penulisan	55
3.7	Kriteria Pemarkahan Pembacaan	56
3.8	Kriteria Pemarkahan Pertuturan	57
3.9	Menganalisis Data Yang Diperolehi Daripada Responden Mengikut Persoalan Kajian	62
3.10	Tahap Persepsi Mengikut Skor Min	63
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	66
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	66
4.3	Taburan Responden Mengikut Status Gred Pencapaian Bahasa Melayu Bagi Kertas Pemahaman	67
4.4	Taburan Responden Mengikut Status Gred Pencapaian Bahasa Melayu Bagi Kertas Penulisan	68
4.5	Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan	

	Di Rumah	68
4.6	Nilai Min Dan Tahap Min Bagi Item Sikap Pelajar Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kehidupan Seharian Mereka	69
4.7	Nilai Min Dan Tahap Min Bagi Item Gangguan Persekutaran Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kehidupan Seharian Mereka	71
4.8	Nilai Min Dan Tahap Min Bagi Item Gangguan Bahasa Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kehidupan Seharian Mereka	73
4.9	Pemarkahan Pelajar Dalam Penulisan	76
4.10	Pemarkahan Pelajar dalam Pembacaan	79
4.11	Pemarkahan Pelajar dalam Pertuturan	84

## **SENARAI SIMBOL**

%                =                Peratus

## **SENARAI SINGKATAN**

ITM	-	Institusi Teknologi Mara
PMR	-	Peperiksaan Menengah Rendah
PPPB	-	Pusat Perkembangan Bahagian Pendidikan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Borang Soal Selidik	115
B	Soalan Ujian	124
C	Borang Skema Pemarkahan Ujian	131
D	Kesahan Instrumen	135
E	Pengesahan Status Pelajar	138
F	Data Kajian Rintis	141
G	Analisa SPSS	143

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bahasa menjadi alat untuk berkomunikasi bagi setiap individu. Oleh itu, bahasa penting bagi setiap orang. Dalam hal ini, bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan rasmi bagi rakyat Malaysia. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan bahasa Melayu di mana bahasa berperanan sebagai asas pembinaan negara dan kebudayaan masyarakat. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memainkan peranan yang amat penting yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara. Sesungguhnya, Perkara 152 ini telah mengiktiraf dan mengisyiharkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi negara. Perkara ini termaktub dalam Perkara 152 (1). Hal ini disebabkan bahasa menjadi satu kepentingan di negara ini yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan sangat memerlukan satu bahasa sebagai panduan. Bahasa ini pula boleh difahami oleh setiap kaum. Lagipun peruntukan ini adalah berdasarkan penduduk asal di Malaysia iaitu orang Melayu yang memonopoli lebih daripada 50 peratus penduduknya. Oleh yang demikian, dengan termaktubnya Perkara 152 mendapati negara mempunyai asas yang kukuh untuk membina sebuah negara.

Di samping itu, Bahasa Melayu mempunyai lambang tersendiri, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pemersatu. Hasrat ini terungkap dalam

dasar bahasa dengan merujuk pada Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Melalui perkara ini, Bahasa Melayu telah dipilih sebagai lambang jati diri warganegara Malaysia. Hal ini sangat diperlukan kerana setiap negara mempunyai bahasanya sendiri. Contohnya, Negara Jepun dengan bahasa Jepunnya, Negara Jerman dengan bahasa Jermannya dan Negara Perancis dengan bahasa Perancisnya. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu memainkan peranan sebagai lambang Negara Malaysia di persada dunia. Dengan hal demikian, bahasa Melayu berperanan sebagai perakuan kejatidirian bangsa Malaysia demi memenuhi maksud kemajuan mengikut acuan sendiri, seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020.

Selain daripada itu, Bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa perpaduan. Perpaduan sangat penting dalam masyarakat yang berbilang bangsa. Tanpa perpaduan negara akan kucar-kacir dan musnahlah sebuah negara yang berdaulat. Di Malaysia ini, terdapat tiga kaum utama iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Kaum Melayu merupakan penduduk asal Malaysia dan mempunyai penduduk yang melebihi lima puluh peratus daripada keseluruhan warganegara di sini. Oleh sebab itulah bahasa Melayu telah dipilih berdasarkan kaum majoriti penduduk. Bahasa ini wajib diketahui oleh setiap kaum kerana bahasa ini menjadi bahasa utama dalam konteks hubungan antara kaum.

Bagi merealisasikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan agen perpaduan negara, Penyata Razak dijadikan sebagai asas Ordinan Pelajaran 1957. Menurut penyata itu, bahasa dan pendidikan dapat digunakan sebagai alat untuk meningkatkan persefahaman perpaduan Kebangsaan antara penduduk yang berbilang kaum. Bahasa Melayu juga memainkan peranan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Perkara ini terkandung dalam Laporan Razak pada tahun 1957 dan tahun 1961 setelah melaksanakan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyemak Rahman Talib yang seterusnya menghasilkan Laporan Rahman Talib. Laporan ini bertujuan untuk memungkinkan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa itu diberi tempat sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan agar dapat berkembang menjadi bahasa yang moden dan mampu menjadi asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat.

Justeru itu, bahasa juga berperanan menjadi bahasa yang cemerlang dalam pembinaan negara bangsa Malaysia. Bahkan semua bahasa di dunia ini mempunyai hak tersebut. Pengguna bahasa yang mahu melihat bahasa kebangsaan mereka berfungsi dengan cemerlang selaras dengan perkembangan bangsanya mestilah berusaha menjadikan bahasanya lebih baik dan dihormati daripada bahasa yang “*dipinjam*” semata-mata untuk menunjukkan status penutur, dan bukannya untuk menyerlahkan kegemilangan bangsa penutur itu sendiri. Oleh hal yang demikian, penduduk di negara bangsa Malaysia ini perlu bertutur dengan penuh yakin apabila menggunakan bahasa Melayu untuk memartabatkan bahasa ini di persada antarabangsa.

Bahasa Melayu juga berfungsi sebagai bahasa Kebangsaan yang mencerminkan pengunaannya dalam pelbagai perisianya dan kesantunanya. Tingkat ilmu dan tingkat keperisian itu dapat diukur melalui laras bahasanya manakala nilai estetika keluasan bahasa ini menjadi pengukur kesantunannya. Bahasa Melayu memiliki peribadi yang istimewa selain terkenal dengan ciri-ciri ketimuran, seperti lemah lembut, beradab, dan berbudi bahasa. Oleh sebab itu, bangsa Malaysia harus menggunakan bahasa Melayu yang baku dan yang mempunyai nilai estetika dan nilai kesantunan.

Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan berperanan sebagai wahana politik dalam menentukan kualiti penggunaan bahasa negara bangsanya. Bahasa yang dapat membina negara bangsanya seharusnya dapat juga melahirkan pengguna bahasa yang berkualiti, berkuasa dan berketerampilan. Maka, lebih banyak kumpulan penutur yang berkuasa dalam penggunaan bahasa Melayu perlu dipupuk. Mereka ialah yang terdiri daripada ahli politik, ahli korporat, golongan profesional, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah, dan ahli masyarakat. Kehadiran kumpulan ini dapat mengembangkan bahasa itu dengan terancang dan meliputi pelbagai bidang. Contohnya, jika ahli politik dan ahli profesional mempunyai daya ungkapan yang tinggi dan bermutu melalui bahasa Melayu, bahasa itu akan dilihat sebagai berkuasa dalam arenanya.

Bahasa yang berkuasa menggambarkan bangsa yang berkuasa. Ungkapan “*Bahasa Jiwa Bangsa*” menunjukkan bahawa sesuatu bahasa itu dapat berkembang maju jika bangsa itu pun maju. Namun begitu, untuk mengetengahkan bahasa Melayu, bahasa lain tidak perlu ditolak. Dalam era globalisasi, pengetahuan tentang bahasa lain amat perlu dan tidak merugikan bangsa. Bangsa itu akan maju dengan mempelajari ilmu pengetahuan daripada bahasa lain, lalu disebarluaskan ilmu kepada bangsanya melalui pengetahuan yang sudah dialih ke dalam bahasa Melayu melalui usaha penerbitan bahan bacaan.

Walaubagaimanapun, kerajaan Malaysia tetap menubuhkan banyak sekolah jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Ini menunjukkan kerajaan Malaysia mengamalkan nilai toleransi dalam mengambilberat kepentingan bahasa kaum lain selain kaum Melayu. Oleh itu, bagi mengukuhkan penguasaan Bahasa Melayu mereka, kerajaan telah mengambil langkah bijak dengan menubuhkan kelas peralihan bagi pelajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang memperolehi keputusan ‘D’ atau ‘E’ dalam mana-mana satu mata pelajaran bahasa Melayu sama ada penulisan atau pemahaman dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Selaras dengan kepentingan bahasa Melayu dan peranan kerajaan dalam memartabatkan bahasa ini, Menteri Pendidikan telah menubuhkan kelas-kelas tingkatan peralihan di beberapa sekolah yang terpilih dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membantu pelajar-pelajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang memperolehi gred yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kelas-kelas ini, guru mengajar semula isi kandungan Bahasa Melayu yang berteraskan lebih kepada aspek pembacaan, penulisan dan pertuturan.

Bahasa merupakan satu daripada alat atau cara terpenting untuk manusia berkomunikasi baik secara lisan maupun tulisan bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu dalam hidup, di samping memberi sumbangan yang dominan dalam perkembangan kerjaya seseorang. Bagi sesetengah pihak, fungsi itu diungkapkan dalam satu bahasa sahaja yang merupakan bahasa pertama mereka. Tetapi bagi pihak yang lain, fungsi tersebut di dukung oleh satu bahasa atau beberapa bahasa lain yang berperanan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

Sehubungan itu, dalam konteks pendidikan, matlamat pengajaran sesuatu bahasa itu adalah untuk melahirkan pelajar yang berketrampilan dalam keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis.

Berikut merupakan bahasa–bahasa yang digunakan dalam sistem pendidikan di negara kita pada masa kini.

**Jadual 1.1:** Penggunaan Bahasa Di Sekolah–Sekolah Dalam Negara Malaysia

Jenis sekolah	Bahasa pengantar
Sekolah Kebangsaan	Bahasa Melayu
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina	Bahasa Cina
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil	Bahasa Tamil

Oleh kerana rakyat negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah mengekalkan struktur kurikulum sekolah yang berasaskan kepada tiga kaum iaitu seperti dalam jadual di atas. Justeru, langkah tersebut telah mengakibatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar yang mengikuti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang lemah dalam Bahasa Melayu telah membawa kepada penempatan mereka dalam kelas peralihan apabila mereka mula berada di sekolah Menengah.

Dalam aspek ini, apa yang dapat dilihat adalah masalah pertuturan, penulisan dan pembacaan yang fasih dan lancar tidak dapat ditemui dalam kebanyakan pelajar yang berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ini.

Ini dapat dilihat di mana markah yang diperolehi oleh kebanyakan pelajar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ini sangat rendah iaitu kebanyakan mereka memeperolehi gred ‘D’ dan ‘E’ dalam salah satu mata pelajaran bahasa Melayu samada dalam penulisan atau pemahaman. Ini kerana bagi kemasukan pelajar-pelajar ini ke tingkatan 1, markah minimum yang perlu diperolehi oleh pelajar adalah gred ‘C’ yang dalam mata pelajaran bahasa Melayu (kefahaman) dan bahasa Melayu (penulisan). Masalah pencapaian yang amat rendah ini menyebabkan pelajar itu terpaksa mengikuti kelas peralihan walaupun gred yang diperolehi dalam matapelajaran yang lain adalah baik. Ini telah merugikan masa mereka selama setahun di sana.

Berikut ditunjukkan analisis pencapaian pelajar Peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu bagi tiga tahun iaitu tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Peralihan. (Sumber: Unit Bahagian Peperiksaan Dalaman)

**Jadual 1.2:** Analisis Peperiksaan Akhir Tahun bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu

TAHUN	SMK TAMAN DESA SKUDAI	SMK TAMAN UNIVERSITI [I]	SMK MUTIARA RINI [II]
2010	70.71	70.11	68.23
2011	63.16	69.25	76.99
2012	83.13	85.12	80.46

Namun begitu, tujuan kelas peralihan diadakan adalah bagi mengukuhkan penguasaan Bahasa Melayu mereka. Ini kerana apabila mereka menjakkan kaki ke

tingkatan Satu, kebanyakan mata pelajaran bahasa yang digunakan adalah bahasa Kebangsaan kita iaitu bahasa Melayu.

Masalah penguasaan ini wujud disebabkan sikap pelajar itu sendiri yang tidak mengambil endah akan kepentingan bahasa ini dalam mata pelajaran mereka. Walaupun guru telah mengambil pelbagai langkah dalam meningkatkan penguasaan mereka dengan pelbagai cara namun sikap mereka yang tidak berusaha memperbaiki penguasaan Bahasa Melayu mereka sebaliknya banyak menggunakan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian mereka. Ini mendorong kepada minat mereka terhadap bahasa Melayu yang rendah kerana penggunaanya yang kurang.

Guru juga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa Melayu. Guru jarang menggunakan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Mereka lebih senang menggunakan bahasa ibunda kerana dengan penggunaan bahasa itu akan memudahkan pengajaran mereka dalam memahamkan mereka dalam mata pelajaran–mata pelajaran di sekolah Rendah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pembelajaran bahasa Melayu amat penting bagi setiap pelajar yang belajar di negara ini. Namun, kepentingan itu tidak dititikberatkan. Menurut Nik Safiah (2008) menyatakan bahawa amalan kebudayaan untuk berbahasa dalam bahasa Melayu telah diabaikan oleh pelajar–pelajar peralihan ini yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka.

Aspek yang cuba dibincangkan di sini adalah penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar Peralihan di Sekolah Menengah berikutan mereka daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenalpasti sikap pelajar Peralihan dalam penggunaan Bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sikap pelajar Peralihan yang dinyatakan adalah merangkumi sikap positif, sederhana dan negatif yang ditunjukkan oleh pelajar Peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Selain daripada aspek sikap, kajian ini juga akan mengenalpasti tahap gangguan persekitaran dan bahasa yang dialami oleh pelajar Peralihan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Di samping itu, kajian ini juga akan mengenalpasti jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan oleh pelajar Peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- 1) mengenalpasti sikap pelajar peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka.
- 2) mengenalpasti jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek penulisan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu.
- 3) mengenalpasti jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek pembacaan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu.
- 4) mengenalpasti jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek pertuturan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu.
- 5) mengenalpasti tahap gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu.
- 6) mengenalpasti tahap gangguan bahasa yang dialami oleh pelajar peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu.

### **1.5 Persoalan Kajian**

- 1) Apakah sikap yang ditunjukkan oleh pelajar peralihan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka?
- 2) Apakah jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek penulisan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu?
- 3) Apakah jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek pembacaan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu?
- 4) Apakah jenis kesilapan yang dilakukan dari aspek pertuturan oleh pelajar peralihan dalam mata pelajaran bahasa Melayu?
- 5) Apakah tahap gangguan persekitaran yang dialami oleh pelajar peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu?
- 6) Apakah tahap gangguan bahasa yang dialami oleh pelajar peralihan dalam penggunaan bahasa Melayu?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Bahasa adalah alat yang digunakan oleh ahli-ahli masyarakat sebagai saluran untuk menyatakan perasaan dan fikiran. Selagi masyarakat itu aktif dan berkembang, demikianlah juga bahasanya. Kemajuan-kemajuan fizikal dan mental yang timbul dalam masyarakat itu akan disertai dengan kemajuan bahasanya. Sistem bunyinya, sistem pembentukan katanya dan sistem frasa dan ayatnya turut menyesuaikan diri dengan apa-apa perubahan yang berlaku pada masyarakat.

Menurut Harun (1966) di negara Malaysia, bahasa pengantar adalah bahasa Melayu. Namun begitu, wujud pelbagai dialek dari pelbagai kaum di negara ini. Contohnya, masyarakat negeri Kelantan menggunakan dialek negerinya yang hanya dipertuturkan oleh rakyat di negeri itu sahaja, begitu juga dengan negeri Perak, Melaka, Terengganu, Johor dan negeri-negeri yang lain yang mempunyai dialeknya.

yang tersendiri. Sebaliknya, bagi penggunaan dialek oleh kaum–kaum lain selain Melayu juga mempunyai dialeknya yang tersendiri. Contohnya, kaum India mempunyai dialek Telugu, Malayalam, Selonis dan lain–lain lagi manakala bagi kaum Cina pula menggunakan dialek Mandarin, Tagalog dan lain–lain lagi dan begitu juga bagi kaum–kaum yang lain di negara ini. Walaupun wujud pelbagai dialek, namun bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama di Malaysia selain bahasa Inggeris. Oleh itu, guru berperanan untuk memahirkan mereka dengan mendidik pelajar–pelajar di sekolah menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Ini dilakukan dengan mendidik mereka dalam aspek membaca, bertutur dan menulis dengan baik.

Manakala penulis–penulis pula berperanan mengeluarkan buku–buku dengan penggunaan Bahasa Melayu yang betul. Penulis perlu menarik minat pelajar dalam membaca buku dalam Bahasa Melayu. Ini dapat sedikit sebanyak mengurangkan kesilapan yang dilakukan oleh mereka dalam bahasa Melayu.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian dijalankan di tiga buah sekolah di kawasan Skudai, Johor Bahru. Antaranya SMK Taman Desa Skudai, SMK Taman Universiti (1) dan SMK Mutiara Rini II. Kajian ini melibatkan 280 orang pelajar yang berada di kelas Peralihan.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas hanya pada pelajar Cina dan India yang berada di kelas peralihan sahaja. Kajian dijalankan mengikut keadaan semasa kajian dijalankan dan tidak mengambilkira sebarang perubahan polisi setelah kajian dijalankan. Aspek pembacaan, penulisan dan pertuturan diambil berat dalam kajian ini.

## 1.9 Definasi Operasional

### 1.9.1 Bahasa Melayu

Menurut Harun (1966) bahasa Melayu merupakan sebuah bahasa Austronesia dan mempunyai kaitan yang rapat dengan bahasa–bahasa etnik lain yang dituturkan di Nusantara. Terdapat ahli bahasa yang berpendapat bahawa bahasa Melayu tergolong dalam rumpun bahasa Melayu–Polinesia. Bahasa ini dituturkan di seluruh Kepulauan Melayu Nusantara yang antaranya di Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura sebagai pusatnya. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa *lingua franca* pada kemuncak Kesultanan Melayu Melaka. Sejak kebelakangan ini, kepentingan Bahasa Melayu semakin disedari oleh masyarakat di dunia, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Thailand, Sumatera, Kepulauan Riau dan beberapa daerah di Borneo. Apabila tercapai kemerdekaan dalam tahun 1957, bahasa yang dipilih untuk menjadi bahasa Kebangsaan negara baru itu ialah bahasa Melayu.

Antara fungsi bahasa Melayu yang perlu diketahui adalah bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa perpaduan.

#### 1.9.1.1 Bahasa Kebangsaan

Asmah (1993) pula mendefinisikan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa yang melambangkan identiti dan kedaulatan sesebuah negara. Manakala Siti Hajar (2011) menyatakan bahasa kebangsaan ialah bahasa yang dapat memperlihatkan identiti nasional dan lambang bagi sesuatu bangsa dan negara. Nuraini (2005) berpendapat bahawa setiap bahasa yang telah diangkat menjadi bahasa kebangsaan itu akan memainkan peranan yang tertentu bagi menggambarkan identiti sesebuah negara. Rumusannya, bahasa kebangsaan ialah bahasa yang melambangkan identiti bangsa, kedaulatan sesebuah negara dan lambang penyatuan penduduknya.

### **1.9.1.2 Bahasa Rasmi**

Menurut Asmah (1993) bahasa rasmi ialah bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi, yakni dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran, sistem pendidikan negara, urusan perdagangan dan perusahaan, upacara rasmi dan sebagainya. Siti Hajar (2011) pula berpendapat bahawa bahasa rasmi merupakan bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi seperti dalam urusan pemerintahan dan pentadbiraan, sistem pendidikan, urusan perdagangan dan perusahaan, kehakiman, upacara rasmi dan antarabangsa. Manakala Nuraini (2005) mentakrifkan bahasa rasmi sebagai bahasa yang digunakan secara meluas oleh pihak kerajaan dalam sesebuah negara, iaitu dari peringkat kementerian hingga ke peringkat bawahan. Ini bermakna bahasa rasmi adalah merujuk kepada bahasa yang diberikan status rasmi secara sah oleh sesebuah negara, negeri atau wilayah.

### **1.9.1.3 Bahasa Perpaduan**

Fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dapat ditafsirkan sebagai satu proses yang dapat menyatupadukan rakyat dan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga akan tanah air. Oleh itu, dapat diertikan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan ialah bahasa yang menjadi lambang penyatuan suara yang digunakan sebagai alat perhubungan di dalam lingkungan satu kelompok manusia yang berfungsi sebagai alat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di sesebuah negara.

## **1.9.2 Pelajar Peralihan**

Pelajar peralihan merupakan pelajar yang tidak dapat memasuki kelas Tingkatan Satu kerana tidak mendapat keputusan yang baik iaitu memperolehi gred “D” dan “E” dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) di peringkat sekolah rendah

bagi mata pelajaran bahasa Melayu pemahaman atau penulisan. Oleh itu, pelajar-pelajar ini akan ditempatkan di sebuah kelas yang khas iaitu kelas peralihan bagi tempoh setahun. Pelajar ini akan mempelajari kandungan mata pelajaran bahasa. Dalam kelas ini, pelajar-pelajar tersebut akan mempelajari kandungan akademik yang lebih menggunakan Bahasa Melayu. Ini bagi memperkasakan bahasa Melayu mereka. Ini akan memudahkan mereka apabila menjakkan kaki ke tingkatan Satu nanti.

### **1.9.3 Pendidikan Menengah**

Pendidikan Menengah terdiri daripada pendidikan Menengah Rendah dan Menengah Atas. Ia dipanggil Menengah kerana ia terletak di tengah-tengah iaitu antara sekolah Rendah dan Universiti (pendidikan tinggi). Usia pelajar-pelajar di sekolah Menengah adalah di antara tiga belas hingga lapan belas tahun atau sembilan belas tahun. Oleh kerana ia menjurus ke arah universiti, pelajarannya adalah lebih berat berbanding dengan pendidikan rendah. Di negara-negara berbahasa Inggeris seperti Australia dan New Zealand, sekolah Menengah dikenali sebagai "*Secondary schools*".

### **1.9.4 Sikap Pelajar**

Sikap mulai menjadi fokus pembahasan dalam ilmu sosial semenjak awal abad ke-20. Secara bahasa, Oxford Advanced Learner Dictionary mencantumkan bahawa sikap (*attitude*), berasal dari bahasa Italia *attitudine* iaitu "*Manner of placing or holding the body, and Way of feeling, thinking or behaving*". Sikap adalah cara menempatkan atau membawa diri, atau cara merasakan, jalan fikiran, dan perilaku. *Free online dictionary* ([www.thefreedictionary.com](http://www.thefreedictionary.com)) mencantumkan sikap sebagai *a complex mental state involving beliefs and feelings and values and dispositions to act in certain ways*. Sikap adalah kondisi mental yang kompleks yang melibatkan keyakinan dan perasaan, serta disposisi untuk bertindak dengan cara yang tertentu.

### 1.9.5 Gangguan Bahasa

Gangguan bahasa adalah pelajar mengalami masalah dalam berkomunikasi dengan pelajar yang bukan dari etnik mereka. Ini juga bermakna pelajar menggunakan bahasa yang bercampuraduk dengan bahasa lain selain bahasa Melayu. Ini menyukarkan pelajar lain memahami apa yang cuba diperkatakan oleh pelajar tersebut dalam menyampaikan maklumat yang perlu.

Pemindahan bahasa boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu:

- a) pemindahan positif (*Positive transfer*) yang terjadi apabila penutur mengambil sistem bahasa pertama untuk digunakan dalam bahasa kedua sedangkan sistem tersebut didapati sama. Ianya menjadi positif kerana pemindahan ini dapat membantu dan memudahkan penutur bahasa kedua memahami sistem-sistem yang dipelajarinya kerana secara kebetulan sama dengan bahasa ibundanya.
- b) pemindahan negatif (*negative transfer*) pula yang melambatkan pemerolehan bahasa kedua dan mencacatkan penggunaannya. Keadaan ini berlaku apabila penutur menggunakan sistem bahasa pertama dalam bahasa kedua sedangkan sistem tersebut berlainan sama sekali. Pemindahan seumpama inilah yang dikaitkan dengan gangguan bahasa.

Henry (1995) membuat kesimpulan gangguan bahasa seperti berikut:

..... penggunaan sistem bahasa pertama dalam  
menggunakan bahasa kedua sedangkan  
sistem tersebut tidak sama dengan dalam  
bahasa kedua.

### **1.9.6 Gangguan Persekitaran**

Pelajar mengalami masalah dalam menggunakan bahasa Melayu semasa berada di sekolah adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya yang sama kaum. Kebanyakan daripada mereka tidak akan menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan sehari-hari mereka kerana rakan akan mengejek mereka sekiranya menggunakan bahasa ini. Mereka akan disisihkan dan tidak akan dapat berkawan dengan rakan sekaum mereka. Di samping itu, pelajar Cina dan India hanya menggunakan bahasa ibunda mereka walaupun mereka mempelajari bahasa Melayu di sekolah disebabkan bahasa ibunda mereka lebih banyak dipertuturkan berbanding bahasa Melayu yang hanya dituturkan semasa kelas bahasa Melayu. Selain itu, gangguan yang disebut juga boleh dinyatakan sebagai gangguan dari keadaan persekitaran yang memaksa mereka menggunakan bahasa sendiri kerana bahasa itu sahaja yang dipertuturkan oleh segelintir masyarakat. Di samping itu, keadaan persekitaran rumah dan penggunaan bahasa Melayu yang tidak memberangsangkan juga antara punca pada kelemahan dalam bahasa Melayu. Ini berlaku apabila pelajar ini terdedah pada media massa seperti radio, televisyen, suratkhabar, filem, majalah, buku cerita, iklan dan sebagainya dalam penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ini kerana media massa tersebut lebih banyak ditekankan pada bahasa ibunda masing-masing.

### **1.9.7 Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran**

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran ini adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalakkan dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. (Bahagian Pendidikan Guru: Julai 1, 2009).

Umumnya, “Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran”. Mengikut Robert M. Gagne (1970) pembelajaran merupakan “perubahan tingkahlaku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”.

Mengikut Woolfolk (1990) pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru.

### **1.9.8 Penguasaan Bahasa**

Dalam Kamus Dewan (2005) perkataan penguasaan bererti perihal menguasai atau penguasaan. Namun dalam konteks kajian ini, penguasaan bahasa ialah kemampuan atau keupayaan pelajar menggunakan bahasa dengan cekap dan mahir. Kecekapan menggunakan bahasa itu harus meliputi lima jenis kemahiran, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran berkomunikasi.

### **1.9.9 Kesilapan Bahasa**

Kesilapan bahasa ini boleh dinyatakan sebagai kesilapan dalam bentuk perkataan atau ayat. Kesilapan ini boleh dikatakan berlaku dalam apa jua keadaan pun sama ada dalam bentuk penulisan, pertuturan dan pembacaan. Dalam bentuk penulisan, kesilapan ini wujud dalam bentuk perkataan atau ayat yang ditulis dalam sesuatu bentuk penulisan di mana kesalahan yang dikenalpasti adalah dalam bentuk penggunaan bahasa, idea yang dikembangkan dan pengolahan idea–idea dalam penulisan tersebut. Manakala bagi aspek pertuturan dan pembacaan pula, kesilapan-kesilapan ini berlaku dalam bentuk

bunyi–bunyi perkataan yang dipertuturkan di mana aspek tatabahasa/kosa kata, sebutan, intonasi, nada dan kefasihan serta ayat yang bermakna ditekankan.

### **1.9.9.1 Kemahiran Bertutur**

Bertutur adalah kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat sebutan (artikulator), ia merupakan kemahiran berinteraksi dalam suasana berbahasa manusia (Kamarudin 1999). Kemahiran bertutur dikuasai oleh kanak-kanak hasil daripada meniru atau mengajuk pertuturan orang dewasa di sekelilingnya. Rangsangan dan ganjaran yang diterimanya akan menggalakkannya untuk mengulang-perkataan yang kompleks. Apabila kemahiran bertutur sudah dikuasai, kanak-kanak akan mula berinteraksi dengan orang lain di sekelilingnya. Sebab itulah orang dewasa perlu menunjukkan model pertuturan yang baik kepada kanak-kanak bagi membolehkan mereka dapat bertutur dengan lebih berkesan dan sempurna.

Ada beberapa aspek penting dalam pertuturan yang perlu diberi perhatian supaya pertuturan menjadi lebih berkesan. Kamarudin (1999) telah membahagikan aspek pertuturan kepada sembilan iaitu sebutan, tekanan, mora (panjang pendek), jeda (persendian), intonasi, nada, tatabahasa, kelancaran, kefasihan, dan laras bahasa.

Antara aspek-aspek pertuturan adalah sebutan membunyikan huruf-huruf, perkataan, atau ayat dengan tepat dan jelas. Kanak-kanak perlu dilatih menyebut dengan betul supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan kepada orang yang mendengar pertuturnya. Pertuturan yang tidak jelas menyebabkan mesej yang hendak disampaikan tidak dapat difahami.

Mengikut Kamus Dewan (2005), intonasi adalah keadaan bunyi turun naik atau tinggi rendah nada suara ketika bercakap atau ketika sesuatu ayat itu dilafazkan. Dalam

bahasa Melayu, intonasi memainkan peranan yang penting kerana ia menentukan mood dan cara penyampaian informasi terhadap seseorang individu. Kelancaran bermakna boleh bertutur atau bercakap dengan baik, kemas dan teratur. Individu yang mengalami masalah gagap akan menghadapi masalah kelancaran bertutur yang serius di mana sesuatu perkataan yang disebut akan diulang berkali-kali, tersekat-sekat, dan diikuti ketegangan otot tekak. Kefasihan pula bererti kanak-kanak boleh bercakap bukan sahaja lancar tetapi baik dan tepat sebutannya tanpa ada unsur-unsur dialek atau bahasa asing. Kefasihan juga bermaksud perihal fasih, kepetahan, kefasihan berkata-kata. Hal ini bermakna fasih juga sesuai digunakan apabila seseorang itu petah bertutur dalam bahasa.

### **1.9.9.2 Kemahiran Membaca**

Terdapat pelbagai definisi tentang kemahiran membaca. Menurut Atan Long (1978) menyatakan proses membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang dan menterjemah lambang-lambang itu semula kepada bunyi suara dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu. Beliau juga menyifatkan proses membaca sebagai proses untuk memperoleh tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Manakala Kennedy (1981) pula mendefinisikan bacaan sebagai keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang grafik yang mewakili bahasa atau perkataan), menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui, dan seterusnya berdasarkan pengalaman lalu, memahami dan mentafsirkan maksudnya (Marohaini 1999).

Membaca bukanlah hanya setakat bersifat mekanikal iaitu membunyikan huruf-huruf yang dicetak dan menjawab beberapa soalan tentang apa yang dibaca, tetapi ia jauh lebih dari itu. Kemahiran membaca merupakan satu proses yang memerlukan seseorang itu menterjemahkan lambang-lambang tulisan kepada lambang-lambang bunyi serta memahami makna dan buah fikiran yang hendak disampaikan oleh seseorang penulis itu. Sesuatu perlakuan membaca mesti dapat menghasilkan pemahaman selain

pengecaman dan penyebutan perkataan-perkataan. Maksudnya, untuk menjadi pembaca yang berkesan, seseorang itu tidak perlu dapat menyebut perkataan dengan betul dan lancar asalkan dia tahu makna perkataan-perkataan yang dibacanya.

Semasa membaca, seseorang itu perlu berfikir, merasai, dan membayangkan apa yang dibaca. Seseorang murid itu mempunyai tujuan, jangkaan, pengetahuan, dan pengalaman lalu yang akan mempengaruhi apa yang akan dibacanya. Dalam sesuatu proses baca, susun atur yang digunakan adalah mengecam atau mengenal lambang atau perkataan yang dilihat, mengaitkan lambang atau perkataan dengan bunyi atau makna, menterjemahkan makna perkataan itu dengan mengaitkannya dengan apa yang sedia ada di kepala, mengumpul dan mencantumkan idea, perkataan, dan ayat sehingga menjadi sebuah idea yang lengkap dan cuba menghuraikan idea kepada orang lain. Melihat kepada susun tugas dalam proses membaca, dapatlah dikatakan bahawa membaca adalah satu proses yang memerlukan pemikiran yang aktif.

### **1.9.9.3 Kemahiran Menulis**

Menulis adalah merupakan satu proses untuk menghasilkan bahan-bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan, maklumat dalam bentuk tulisan untuk berhubung dengan orang lain atau dengan dirinya. Menulis juga adalah satu proses untuk memberikan simbol-simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkai kata, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang, mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun.

Justeru, kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi untuk mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. Ini adalah disebabkan bahawa bahasa adalah alat

untuk menyalurkan maklumat. Menulis dalam apa bentuk sekalipun adalah mustahak kerana ia dapat membantu mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar di dalam pembelajaran. Faedah menulis kepada pelajar tidak terhad untuk jangka masa pendek, bahkan berlanjutan sepanjang hidupnya.

## **1.10 Konsep Kajian Bahasa**

Terdapat beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini. Antara konsep-konsepnya adalah seperti yang berikut:

### **1.10.1 Bahasa**

Bahasa merupakan satu daripada wahana perhubungan dan komunikasi antara manusia. Sebagai satu keperluan sosial, bahasa memang menjadi alat penting dalam soal menyampaikan maksud. Bahasa lazimnya diertikan sebagai satu sistem lambang pertuturan yang arbitri yang digunakan oleh manusia sebagai alat untuk berhubung.

### **1.10.2 Lingustik**

Lingustik ialah satu sains bagi mengkaji bahasa. Bahasa digunakan sebagai bahan yang dikaji secara saintifik. Dalam ilmu linguistik, kajian bukan sahaja dibuat terhadap struktur atau sistem bahasa (tatabahasa atau nahu) malah tehadap bidang-bidang lain seperti gaya, perkamus dan lain-lain lagi.

### **1.10.3 Tatabahasa**

Tatabahasa atau nahu merujuk kepada sistem atau aturan bahasa. Aturan itu adalah berkaitan dengan aspek fonologi (pola bunyi bahasa), pembentukan perkataan (morfologi) dan proses pembinaan ayat (sintaksis).

### **1.10.4 Dialek**

Dialek merupakan satu variasi bahasa yang ditentukan mengikut wilayah. Seseorang penutur lazimnya bertutur sesuatu dialek bergantung kepada tempat dia dilahirkan. Jadi, dialek adalah satu variasi bahasa yang dituturkan oleh sekumpulan orang tertentu di kawasan tertentu dan mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk membezakannya daripada dialek-dialek yang lain.

### **1.10.5 Laras**

Laras lazimnya merujuk kepada ragam atau variasi bahasa yang memperlihatkan penggunaan leksis bidang, pola-pola penggunaan bahasa mengikut bidang dan ketenunan untuk kesinambungan bahasa. Dalam pola-pola penggunaan bahasa itu, unsur-unsur tatabahasa, iaitu sintaksis dan morfologi dimanipulasikan sesuai dengan laras yang dibicarakan. Pendeknya, laras bahasa ialah ragam-ragam bahasa tertentu yang memanipulasi leksis, unsur-unsur tatabahasa serta ketenunan sesuai dengan laras yang dibicarakan.

### **1.10.6 Gaya Bahasa**

Gaya bahasa bermaksud cara atau bentuk bahasa yang digunakan dalam pertuturan atau penulisan untuk menimbulkan kesan–kesan tertentu.

### **1.10.7 Leksis/Kosa Kata**

Leksis bermakna komponen bahasa yang memuatkan semua maklumat tentang makna dan penggunaan kata dalam bahasa. Leksis juga bermakna kosa kata atau perbendaharaan kata. Leksis boleh terdiri daripada kata, istilah pinjaman dan istilah bukan pinjaman.

### **1.10.8 Ketenunan**

Menurut Leech dan Short (1981) ketenunan ialah cara–cara sebahagian daripada teks dihubungkan dengan yang lain, misalnya, cara ayat–ayat digabungkan. Ketenunan boleh ditimbulkan melalui cara perujukan rentas dan penghubung.

### **1.10.9 Sebutan**

Sebutan adalah membunyikan huruf–huruf, perkataan atau ayat dengan tepat dan jelas. Kanak–kanak perlu dilatih menyebut dengan betul supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada orang yang mendengar pertuturannya. Pertuturan yang tidak jelas menyebabkan mesej yang hendak disampaikan tidak dapat difahami dan disalah erti.

### **1.10.10 Intonasi**

Definisi intonasi mengikut Kamus Dewan Bahasa (2005) ialah turun naik atau tinggi rendah nada suara ketika bercakap. Intonasi banyak digunakan dalam percakapan atau perbualan harian manusia. Intonasi memainkan peranan yang sangat penting. Biasanya, intonasi menentukan mood dan cara penyampaian informasi terhadap seseorang individu.

### **1.10.11 Nada**

Nada adalah satu sumber yang diperlukan bagi mendapatkan perhatian. Apabila seseorang itu berada dalam keadaan sedih, nada yang rendah akan digunakan. Berbeza ketika seorang itu berada dalam keadaan gembira atau marah, nada yang lebih tinggi akan digunakan.

### **1.10.12 Kefasihan**

Fasih bermaksud lancar dan baik sebutannya, serta petah dalam berkata-kata.

## **1.11 Penutup**

Di dalam bab ini, penjelasan latar belakang perkembangan Bahasa Melayu, kepentingannya dan hubungannya dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara telah dibuat. Seterusnya, beberapa isu yang wujud dalam bidang bahasa ini telah dikemukakan bagi menyokong permasalahan dalam kajian ini. Tumpuan telah diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran pelajar dalam memahirkan diri mereka dalam bidang

bahasa ini, dan juga kajian ini telah menilai dari segi penguasaan pelajar dalam membaca, bertutur dan menulis, penglibatan pelajar, gangguan bahasa dan persekitaran, sikap pelajar pada penggunaan bahasa dalam kehidupan harian mereka. Akhir sekali, pengkaji mengemukakan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini.

## RUJUKAN

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 di daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Fikri. (1995). *Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. (1990). "Kajian Sosiolinguistik Bahasa Melayu: Satu Tinjauan", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jil. 34 Bil. 12, hlm.919-923.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: Publishing Sdn. Bhd.
- Atan Long. (1978). Menguji kemahiran bahasa: *Prinsip, teknik dan contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1980). *Kesalahan umum penggunaan bahasa Malaysia KBSM*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Chithra a/p Raju. (2003). Sikap dan motivasi pelajar India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Corder, S. P. (1973). *Introducing applied linguistics*. Baltimore: Penguin Education.
- Dayang Aini binti Haji Karim. (2003). *Preposisi Bahasa Dusun dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Dr.Nik Safiah Karim. (2008). *Bahasa Melayu: Persoalan & Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn.Bhd.
- Edwards and Crawford. (1990). *Development of attitudes*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Farid, M.Onn.dan Ajid Che Kob. (1981). *Pengaruh Bahasa Daerah dalam Proses Pembelajaran Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R.C. (1993). *Attitudes and Motivation in Second Language Acquisition*, London: Longman.
- Harun Aminurrashid. (1966). *Kajian Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura.
- Henry Guntur Tarigan. (1995). *Language education*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hj. Mat Dani bin Abd. Ishak. (2007). “*Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun*”, *Penulisan Ilmiah Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia.
- Hjh Dayang Rose Hamidah. (2006). *Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan Pelajar Asing Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tesis Sarjana.
- <http://www.bpg.gov.my> . Bahagian Pendidikan Guru: Julai 1 2009. Telah diakses pada 30 Februari 2012.
- <http://panduan percuma.info/artikel-pilihan/989/merdekakan-pendidikan-perkauman/>  
Telah diakses pada 16/6/2013.
- <http://www.haluan.org.my/v3/index.php/membentuk-kemahiran-bertutur-kanak-kanak.html>. Telah diakses pada 4 Mac 2012
- <http://www.haluan.org.my/v3/index.php/membentuk-kemahiran-membaca-kanak-kanak.html>. Telah diakses pada 5 April 2012
- <http://www.haluan.org.my/v3/index.php/membentuk-kemahiran-menulis-kanak-kanak.html>. Telah diakses pada 10 Mei 2012
- <http://www.sektor akademik PPPBP.gov.my>. Unit Sektor Akademik PPPBP. Telah diakses pada 23 Februari 2013.
- <http://www.skema pemarkahan PMR. gov.my>. Skema Pemarkahan PMR 2011. Telah diakses pada 1 Disember 2012.

- Husin Fateh Din. (2012). *Siri Pengajian Bahasa Melayu: Bahasa Melayu II Akademik*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Husin. (1999). *Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin. (1999). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu Kontekstual*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kennedy G.M. (1981). *Language Two*. London. Oxford University Press.
- Khairuddin Mohamad (2013). *Siri Pengajian Bahasa Melayu. Bahasa Melayu Komunikatif*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Leech, G.N. (1981). *Principles of Pragmatics*. London. New York: Longman.
- Likert, Rensis. (1932). "A Technique for the Measurement of Attitudes", *Archives of Psychology* 140: 1–55.
- Lufti Abas. (1987). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud. (1992). *Sikap dan motivasi pelajar*. Selangor: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu. Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*: Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd
- Mardlina. (2006). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu. Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*.: Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd,
- Marican. (2006). *Explorations in the Functions of Language*. Edward Arnold.
- Marohaini Yusoff. (1999). *Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif*. Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 5 (2). pp. 65-71.
- Md. Daud Taha bin.Tumin. (1999). Strategi bahasa: *Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Md. Daud. (1990). *Pendidikan dan politik di Malaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

- Md.Daud b. Md. Yusof. (1990). *Kajian Bahasa*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar.(2003). *Rekabentuk soal selidik penyelidikan pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohamed Abd. Rahman. (1994). *Penguasaan kemahiran menulis*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N.A.Salleh (2009). *Cara Mudah Mengenalpasti Kesalahan Lazim Dalam Bahasa Melayu*. Selangor: Perintis Books Sdn. Bhd.
- Niles, O.S. (1963). "Comprehension Skills." *Reading Teacher*. Vol. 2-7.
- Noresah Baharom *et al*. (2000). *Kamus Dewan* (edisi ke - 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Nuraini Yusoff. (2005). *Pengantar Falsafah Bahasa*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raminah (1985). *Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu penilaian kualitatif*. Pertanika J.Social & Humanities, 5(2), 65-71.
- Raminah b. Sabran. (1985). *Kajian Bahasa*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Robert M. Gagne. (1970). *The Condition of Learning*. U.S.A Prentice Hall Inc.
- Ronald.V.W. (1974). *Principles and Practices in Second Language Acqusition*. Prentice- Hall International.
- Rosmiza Md. Ibrahim. (1999). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Rozisha bt. Abd Rahman. (2003). *Prestasi pencapaian rendah mata pelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dalam tiga buah sekolah di Batu Pahat, Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Selinker (1992). *Second language learning and language teaching*. London: Edward Arnold.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Wan Hassan Basri bin Wan Abdul. Kadir. (1995). Teori bahasa: *Implikasi terhadap pengajaran tatabahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Woolfolk (1990) “*Educational Psychology for Teachers*”. *Linguistic Inquiry*, 14: 520-535.
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, 1(12), 40-43.
- Zulkifli bin Yaakob. (2007). *Perkembangan Bahasa dan Pembelajaran Kanak-kanak*. Selangor: Meteor Doc. Sdn. Bhd.